

Pelajar USIM johan hafazan al-Quran di Brunei

Oleh ATIKAH DALI

SEREMBAN - Seorang penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini mengharumkan nama negara dan universiti selepas di nobatkan sebagai johan pada Majlis Musabiqah Menghafaz al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (Mabims) di Brunei baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, Putri Nur Nadia Bakri (**gambar**), 18, yang bertanding bagi kategori menghafaz Juzuk 10 al-Quran serta Pemahaman Juzuk 7 berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM11,213 (BND4000), piala dan sijil penghargaan.

Pelajar Tamhidi Sains dan Teknologi (Pra-Universiti/Matrikulasi) USIM itu berkata, dia bersyukur atas kemenangan tersebut memandangkan peserta yang berentap mempunyai kehebatan masing-masing.

"Ini kali pertama saya mewakili Malaysia untuk pertandingan hafazan di peringkat antarabangsa. Saya gembira dapat meng-

harumkan nama negara. Terima kasih kepada ibu bapa atas sokongan dan bantuan terutama semasa latihan," katanya dalam kenyataan menerusi USIM di sini semalam.

Putri Nur Nadia yang sebelum ini menjuarai pertandingan hafazan Majlis Menghafaz al-Quran peringkat kebangsaan

kali Ke-36 bagi kategori 1-20 Juzuk pada Mac lalu mula menghafaz 30 juz al-Quran sewaktu berusia 13 tahun ketika menuntut di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITIB) di Jugra, Selangor.

Sentiasa konsisten mengulang hafalan, iklas dan menjaga pemarkanan merupakan antara amalan Putri Nur Nadia untuk memudahkan dia menghafaz.

Pada kejohanan kali ini, seramai lapan peserta iaitu empat lelaki dan empat wanita yang terdiri daripada negara anggota Mabims mengambil bahagian.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu menghafaz Juzuk 10 al-Quran serta Pemahaman Juzuk 7 dan Menghafaz Juzuk 30 serta Pemahaman Juzuk 20.

